

Jangan sambutan

Oleh Ahmad Faizal Ahmad Fadzil



BH - 5 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pihak tertentu jangan menjadikan 'perhimpunan rakyat' di Kelantan, Rabu ini, sebagai perhimpunan politik.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak sebarang masalah jika rakyat Kelantan mahu menyambut sultan mereka yang pulang dari Makkah selepas mengerjakan Umrah, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, 5 Januari ini.

"Tetapi, saya ingin mengingatkan supaya perhimpunan itu nanti tidak dijadikan perhimpunan politik. Tidak perlu bagi mereka yang menyambutnya bercakap mengenai isu Perlembagaan.

"Kalau mereka berbuat demikian, sudah tentu akan ada reaksi daripada pihak yang ingin membuat pindaan Perlembagaan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi, di sini hari ini.

Dr Mahathir berlepas kira-kira jam 4 petang ke Kangar, Perlis untuk merasmikan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan.

Di Kota Bharu, Kelantan, satu perhimpunan dirancang oleh pihak tertentu untuk menyambut kepulangan Sultan Kelantan dan Raja Perempuan, Rabu ini.

Perhimpunan itu dijadualkan bermula jam 11.30 pagi, setengah jam lebih awal sebelum pesawat yang membawa Sultan Kelantan mendarat kira-kira jam 12 tengah hari.

Menurut surat jemputan yang diedarkan se-

cara meluas di seluruh negeri ini, pihak penganjur mengundang rakyat berhimpun di lapangan terbang itu.

Surat jemputan tanpa menyebut nama penganjur itu turut diedarkan dalam majlis keramaian kerajaan negeri, termasuk ceramah mengenai isu pindaan Perlembagaan Persekutuan di Dewan Majlis Daerah Bachok, 30 kilometer dari sini, sejak 30 Disember lalu. Surat itu juga diedarkan dalam perhimpunan khas Semangat 46 di Balai Islam, Lundang, dekat sini, semalam.

Sultan Kelantan dan Raja Perempuan berlepas menunaikan Umrah, pada 25 Disember lalu.

Setakat ini, belum ada pihak yang mendakwa bertanggungjawab menganjurkan perhimpunan itu.

Dr Mahathir juga berharap Pas berpegang kepada kenyataan yang dibuatnya sebelum ini bahawa sebarang kekebalan untuk sesiapa saja, adalah bertentangan dengan Islam.

"Kalau sekadar hendak menunjukkan kesetiaan kepada raja, itu terpulang kepada Pas sendiri. Kita pun setia kepada raja tetapi tidak perlu bagi kita membuat perkara seperti itu," katanya.

Mengulas usul Semangat 46 yang menentang usaha kerajaan meminda Perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja di segi undang-undang, Dr Mahathir berkata, Semangat 46 (S46) adalah parti yang tidak mempunyai pendirian.

"Pada mulanya mereka menyokong pindaan itu tetapi sekarang mereka mempunyai pandangan

LIHAT MUKA 2

politikkan raja

BH - 5 JAN 1993
DARI MUKA 1

lain untuk melarikan diri daripada perkara ini. Mereka menjadikannya sebagai satu isu politik dengan memainkan sentimen keMelayuan.

"S46 sebenarnya cuba mencari kesempatan untuk menggunakan isu ini sebagai daya penarik kepada partinya, yang tidak berpendirian sama sekali itu," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kekuatan orang Melayu bergantung kepada kekuatan politik mereka.

"Perpecahan yang disebabkan oleh S46 adalah antara punca kelemahan orang Melayu. Sesudah mereka memecahkan po-

litik orang Melayu, mereka cuba menjadi juara orang Melayu dengan memainkan sentimen melalui isu pindaan kekebalan raja-raja ini.

"Apa saja isu yang boleh digunakan, akan dimainkan oleh S46 untuk menarik minat rakyat kepada parti mereka yang sudah tidak ada apa-apa lagi itu," katanya.

Semalam, S46 yang mengadakan perhimpunan khas di Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, Kelantan meluluskan usul menentang usaha kerajaan meminda Perkara 181 (2) Perlembagaan Persekutuan bagi menghapuskan kekebalan raja-raja di segi undang-undang.